

## **JENIS DAN SYARAT-SYARAT TAJAAN PROGRAM CIMA MIA STRATEGIC PROFESIONAL**

*(Rujuk Minit Mesyuarat Khas Inisiatif Strategik Dan Program Profesional Institut Perakaunan Negara  
Bil 1/2017. Tarikh kuatkuasa 1 Januari 2018)*

### **1.0 TEMPOH TAJAAN PROGRAM**

- 1.1 Tempoh tajaan bagi program ini adalah selama 3 tahun berturut bermula dari tarikh surat tawaran diterima.
- 1.2 Calon dikehendaki untuk menamatkan program ini dengan jayanya dalam tempoh tajaan yang ditetapkan.
- 1.3 Selepas tempoh tajaan yang ditetapkan tamat, segala bentuk pembiayaan dengan sendirinya terbatal dan calon perlu menanggung sendiri segala kos untuk menyempumakan program ini.

### **2.0 YURAN PROFESIONAL**

#### **2.1 Yuran Pendaftaran**

- 2.1.1 Yuran pendaftaran dibayar pada tahun semasa setelah menerima tawaran pengajian daripada Pusat Pembangunan Profesional, Institut Perakaunan Negara (IPNCPD), Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).
- 2.1.2 Tuntutan terhad kepada sekali sahaja sepanjang tempoh tajaan.

#### **2.2 Yuran Tahunan**

- 2.2.1 Calon layak mendapat pembiayaan 3 kali yuran tahunan dengan syarat telah mendaftar subjek baharu atau ulang pada tahun yang berkenaan.

#### **2.3 Yuran Permohonan Keahlian**

- 2.3.1 Calon layak mendapat sekali sahaja pembiayaan yuran permohonan keahlian sepanjang tempoh tajaan.

#### **2.4 Yuran Pengecualian Subjek**

- 2.4.1 Calon layak mendapat sekali sahaja pembiayaan yuran pengecualian subjek sepanjang tempoh tajaan.

#### **2.5 Yuran Peperiksaan**

- 2.5.1 Sepanjang tempoh tajaan, calon layak mendapat pembiayaan 2 kali yuran peperiksaan bagi setiap subjek yang ditawarkan di dalam program.
- 2.5.2 Calon dibenarkan mendaftar hanya 1 subjek peperiksaan baharu atau ulang pada satu sesi. Namun kebenaran pendaftaran peperiksaan bagi

subjek baharu tertakluk kepada polisi yang dikuatkuasakan oleh badan profesional.

2.5.3 Setelah tamat tempoh tajaan (rujuk perkara 1.0), calon tidak layak menerima pembiayaan yuran peperiksaan. Yuran peperiksaan bagi baki semua subjek baharu atau ulang adalah atas tanggungan calon sendiri.

### **3.0 YURAN TUISYEN / PEMBELAJARAN**

3.1 Terdapat dua kaedah pembelajaran yang ditawarkan iaitu:

- a. Pembelajaran di IPNCPD secara *Face to Face*
- b. Pembelajaran secara dalam talian (*Live Online Learning*)

3.2 Sepanjang tempoh tajaan, calon hanya dibenarkan untuk memilih satu kaedah pembelajaran sahaja.

3.3 Setelah tamat tempoh tajaan (rujuk perkara 1.0), calon tidak layak menerima pembiayaan yuran pembelajaran. Yuran pembelajaran bagi baki semua subjek baharu atau ulang adalah atas tanggungan calon sendiri.

#### **3.4 Pembelajaran di IPNCPD (*Face To Face Class*)**

3.4.1 IPNCPD akan membayar yuran Kursus Persediaan Peperiksaan terus kepada penyedia perkhidmatan tenaga pengajar.

3.4.2 Yuran Kursus Persediaan Peperiksaan terhad kepada 2 kali sahaja bagi setiap subjek dengan syarat mendaftar subjek berkenaan.

3.4.3 Bengkel sokongan akan diberi percuma.

### **ATAU**

#### **3.5 Pembelajaran Secara Dalam Talian (*Live Online Learning*)**

3.5.1 Pembelajaran secara dalam talian adalah terhad kepada penyedia perkhidmatan yang disahkan oleh IPNCPD sahaja.

3.5.2 Yuran pembelajaran secara dalam talian terhad kepada sekali tuntutan sahaja bagi setiap subjek sepanjang tempoh tajaan.

3.5.3 Calon perlu membuat pendaftaran peperiksaan subjek yang berkenaan bagi melayakkan calon membuat tuntutan.

**4.0 BUKU**

- 4.1 Tuntutan balik bayaran buku adalah terhad kepada RM200.00 bagi setiap subjek.
- 4.2 Calon perlu mendaftar peperiksaan subjek yang berkenaan bagi melayakkan calon membuat tuntutan.

**5.0 IKATAN KONTRAK BERKHIDMAT DENGAN JANM**

- 5.1 Semua calon yang mengikuti program keahlian dalam badan profesional tajaan JANM adalah tertakluk kepada ikatan kontrak berkhidmat dengan JANM minimum selama 3 tahun dan maksimum berdasarkan tempoh tajaan program.
- 5.2 Khusus bagi calon yang mengikuti program ini, ikatan kontrak berkhidmat dengan JANM adalah selama 3 tahun.

Diperakukan oleh:



**SAAT BIN ESA C.A(M)**

**AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

Tarikh: 26 Disember 2017

## **JENIS DAN SYARAT-SYARAT TAJAAN PROGRAM CIMA MIA STRATEGIC LEADERS**

*(Rujuk Minit Mesyuarat Khas Inisiatif Strategik Dan Program Profesional Institut Perakaunan Negara Bil 1/2017. Tarikh kuatkuasa 1 Januari 2018)*

### **1.0 TEMPOH TAJAAN PROGRAM**

- 1.1 Tempoh tajaan bagi program ini adalah selama 2 tahun berturut bermula dari tarikh surat tawaran diterima.
- 1.2 Calon dikehendaki untuk menamatkan program ini dengan jayanya dalam tempoh tajaan yang ditetapkan.
- 1.3 Selepas tempoh tajaan yang ditetapkan tamat, segala bentuk pembiayaan dengan sendirinya terbatal dan calon perlu menanggung sendiri segala kos untuk menyempurnakan program ini.

### **2.0 YURAN PROFESIONAL**

#### **2.1 Yuran Pendaftaran**

- 2.1.1 Yuran pendaftaran dibayar pada tahun semasa setelah menerima tawaran pengajian daripada Pusat Pembangunan Profesional, Institut Perakaunan Negara (IPNCPD), Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).
- 2.1.2 Tuntutan terhad kepada sekali sahaja sepanjang tempoh tajaan.

#### **2.2 Yuran Tahunan**

- 2.2.1 Calon layak mendapat pembiayaan 2 kali yuran tahunan dengan syarat telah mendaftar subjek baharu atau ulang pada tahun yang berkenaan.

#### **2.3 Yuran Permohonan Keahlian**

- 2.3.1 Calon layak mendapat sekali sahaja pembiayaan yuran permohonan keahlian sepanjang tempoh tajaan.

#### **2.4 Yuran Pengecualian Subjek**

- 2.4.1 Calon layak mendapat sekali sahaja pembiayaan yuran pengecualian subjek sepanjang tempoh tajaan.

#### **2.5 Yuran Peperiksaan**

- 2.5.1 Sepanjang tempoh tajaan, calon layak mendapat pembiayaan 2 kali yuran peperiksaan bagi subjek yang ditawarkan di dalam program.
- 2.5.2 Setelah tamat tempoh tajaan (rujuk perkara 1.0), calon tidak layak menerima pembiayaan yuran peperiksaan. Yuran peperiksaan bagi subjek ulang adalah atas tanggungan calon sendiri.

### **3.0 YURAN TUISYEN / PEMBELAJARAN**

- 3.1 Terdapat dua kaedah pembelajaran yang ditawarkan iaitu:
  - a. Pembelajaran di IPNCPD secara *Face to Face*
  - b. Pembelajaran secara dalam talian (*Live Online Learning*)
- 3.2 Sepanjang tempoh tajaan, calon hanya dibenarkan untuk memilih satu kaedah pembelajaran sahaja.
- 3.3 Setelah tamat tempoh tajaan (rujuk perkara 1.0), calon tidak layak menerima pembiayaan yuran pembelajaran. Yuran pembelajaran bagi subjek ulang adalah atas tanggungan calon sendiri.
  
- 3.4 **Pembelajaran di IPNCPD (*Face To Face Class*)**
  - 3.4.1 IPNCPD akan membayar yuran Kursus Persediaan Peperiksaan terus kepada penyedia perkhidmatan tenaga pengajar.
  - 3.4.2 Yuran Kursus Persediaan Peperiksaan terhad kepada 2 kali sahaja dengan syarat mendaftar subjek berkenaan.
  - 3.4.3 Bengkel sokongan akan diberi percuma.

### **ATAU**

- 3.5 **Pembelajaran Secara Dalam Talian (*Live Online Learning*)**
  - 3.5.1 Pembelajaran secara dalam talian adalah terhad kepada penyedia perkhidmatan yang disahkan oleh IPNCPD sahaja.
  - 3.5.2 Yuran pembelajaran secara dalam talian terhad kepada sekali tuntutan sahaja sepanjang tempoh tajaan.
  - 3.5.3 Calon perlu membuat pendaftaran peperiksaan subjek yang berkenaan bagi melayakkan calon membuat tuntutan.
  
- 4.0 **BUKU**
  - 4.1 Tuntutan balik bayaran buku adalah terhad kepada RM200.00 sahaja.
  - 4.2 Calon perlu mendaftar peperiksaan subjek yang berkenaan bagi melayakkan calon membuat tuntutan.

**5.0 IKATAN KONTRAK BERKHIDMAT DENGAN JANM**

- 5.1 Semua calon yang mengikuti program keahlian dalam badan profesional tajaan JANM adalah tertakluk kepada ikatan kontrak berkhidmat dengan JANM minimum selama 3 tahun dan maksimum berdasarkan tempoh tajaan program.
- 5.2 Khusus bagi calon yang mengikuti program ini, ikatan kontrak berkhidmat dengan JANM adalah selama 3 tahun.

Diperakukan oleh:



**SAAT BIN ESA C.A(M)**

**AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

Tarikh: **9** Januari 2018

## JENIS DAN SYARAT-SYARAT TAJAAN PROGRAM ACCA MIA SPECIAL PATHWAY

(Rujuk Minit Mesyuarat Khas Inisiatif Strategik Dan Program Profesional Institut Perakaunan Negara Bil 1/2017. Tarikh kuatkuasa 1 Januari 2018)

### 1.0 TEMPOH TAJAAN PROGRAM

- 1.1 Tempoh tajaan bagi program ini adalah selama 4 tahun berturut bermula dari tarikh surat tawaran diterima.
- 1.2 Calon dikehendaki untuk menamatkan program ini dengan jayanya dalam tempoh tajaan yang ditetapkan.
- 1.3 Selepas tempoh tajaan yang ditetapkan tamat, segala bentuk pembiayaan dengan sendirinya terbatal dan calon perlu menanggung sendiri segala kos untuk menyempurnakan program ini.

### 2.0 YURAN PROFESIONAL

#### 2.1 Yuran Pendaftaran

2.1.1 Yuran pendaftaran dibayar pada tahun semasa setelah menerima tawaran pengajian daripada Pusat Pembangunan Profesional, Institut Perakaunan Negara (IPNCPD), Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).

2.1.2 Tuntutan terhad kepada sekali sahaja sepanjang tempoh tajaan.

#### 2.2 Yuran Tahunan

2.2.1 Calon layak mendapat pembiayaan 4 kali yuran tahunan dengan syarat telah mendaftar subjek baharu atau ulang pada tahun yang berkenaan.

#### 2.3 Yuran Pengecualian Subjek

2.3.1 Calon layak mendapat sekali sahaja pembiayaan yuran pengecualian subjek sepanjang tempoh tajaan.

#### 2.4 Yuran Peperiksaan

2.4.1 Sepanjang tempoh tajaan, calon layak mendapat pembiayaan 2 kali yuran peperiksaan bagi setiap subjek yang ditawarkan di dalam program.

2.4.2 ACCA telah menetapkan tiga jenis kadar bayaran yuran bagi pendaftaran menduduki peperiksaan iaitu pada kadar pendaftaran awal (*early fees*), pendaftaran standard (*standard fees*) dan pendaftaran lewat (*late fees*). Tuntutan yang akan dibayar adalah pada kadar pendaftaran awal dan pendaftaran standard sahaja. Sekiranya calon membuat pendaftaran lewat, kadar bayaran balik adalah pada kadar pendaftaran standard.

2.4.3 Setelah tamat tempoh tajaan (rujuk perkara 1.0), calon tidak layak menerima pembiayaan yuran peperiksaan. Yuran peperiksaan bagi subjek ulang adalah atas tanggungan calon sendiri.

## **2.5 Online Ethics And Professional Skills Module**

2.5.1 Calon layak menuntut Yuran *Online Ethics And Professional Skills Module* sekali sahaja sepanjang tempoh tajaan.

## **3.0 YURAN TUISYEN / PEMBELAJARAN**

3.1 Terdapat dua kaedah pembelajaran yang ditawarkan iaitu:

- a. Pembelajaran di IPNCPD secara *Face to Face*
- b. Pembelajaran secara dalam talian (*Live Online Learning*)

3.2 Sepanjang tempoh tajaan, calon hanya dibenarkan untuk memilih satu kaedah pembelajaran sahaja.

3.3 Setelah tamat tempoh tajaan (rujuk perkara 1.0), calon tidak layak menerima pembiayaan yuran pembelajaran. Yuran pembelajaran bagi baki semua subjek baharu atau ulang adalah atas tanggungan calon sendiri.

### **3.4 Pembelajaran di IPNCPD (*Face To Face Class*)**

3.4.1 IPNCPD akan membayar yuran Kursus Persediaan Peperiksaan terus kepada penyedia perkhidmatan tenaga pengajar.

3.4.2 Yuran Kursus Persediaan Peperiksaan terhad kepada 2 kali sahaja bagi setiap subjek dengan syarat mendaftar subjek berkenaan.

3.4.3 Bengkel sokongan akan diberi percuma.

## **ATAU**

### **3.5 Pembelajaran Secara Dalam Talian (*Live Online Learning*)**

3.5.1 Pembelajaran secara dalam talian adalah terhad kepada penyedia perkhidmatan yang disahkan oleh IPNCPD sahaja.

3.5.2 Yuran pembelajaran secara dalam talian terhad kepada sekali tuntutan bagi setiap subjek sahaja sepanjang tempoh-tajaan.

3.5.3 Calon perlu membuat pendaftaran peperiksaan subjek yang berkenaan bagi melayakkan calon membuat tuntutan.



#### 4.0 BUKU

- 4.1 Tuntutan balik bayaran buku adalah terhad kepada RM200.00 bagi setiap subjek.
- 4.2 Calon perlu mendaftar peperiksaan subjek yang berkenaan bagi melayakkan calon membuat tuntutan.

#### 5.0 IKATAN KONTRAK BERKHIDMAT DENGAN JANM

- 5.1 Semua calon yang mengikuti program keahlian dalam badan profesional tajaan JANM adalah tertakluk kepada ikatan kontrak berkhidmat dengan JANM minimum selama 3 tahun dan maksimum berdasarkan tempoh tajaan program.
- 5.2 Khusus bagi calon yang mengikuti program ini, ikatan kontrak berkhidmat dengan JANM adalah selama 4 tahun.

Diperakukan oleh:



**SAAT BIN ESA C.A(M)**

**AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

Tarikh: 26 Disember 2017

## **JENIS DAN SYARAT-SYARAT TAJAAN PROGRAM CPA AUSTRALIA MIA SPECIAL PATHWAY: MIDDLE MANAGEMENT**

*(Rujuk Minit Mesyuarat Khas Inisiatif Strategik Dan Program Profesional Institut Perakaunan Negara  
Bil 1/2017. Tarikh kuatkuasa 1 Januari 2018)*

### **1.0 TEMPOH TAJAAN PROGRAM**

- 1.1 Tempoh tajaan bagi program ini adalah selama 4 tahun berturut bermula dari tarikh surat tawaran diterima.
- 1.2 Calon dikehendaki untuk menamatkan program ini dengan jayanya dalam tempoh tajaan yang ditetapkan.
- 1.3 Selepas tempoh tajaan yang ditetapkan tamat, segala bentuk pembiayaan dengan sendirinya terbatil dan calon perlu menanggung sendiri segala kos untuk menyempurnakan program ini.

### **2.0 YURAN PROFESIONAL**

#### **2.1 Yuran Penilaian**

2.1.1 Yuran penilaian dibayar pada tahun semasa setelah menerima tawaran pengajian daripada Pusat Pembangunan Profesional, Institut Perakaunan Negara (IPNCPD), Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).

2.1.2 Tuntutan terhad kepada sekali sahaja sepanjang tempoh tajaan.

#### **2.2 Yuran Keahlian Tahunan**

2.2.1 Calon layak mendapat pembiayaan 4 kali yuran keahlian tahunan dengan syarat telah mendaftar subjek baharu atau ulang pada tahun yang berkenaan.

#### **2.3 Yuran Pengecualian Subjek**

2.3.1 Calon layak mendapat sekali sahaja pembiayaan yuran pengecualian subjek sepanjang tempoh tajaan.

#### **2.4 Yuran Peperiksaan**

2.4.1 Sepanjang tempoh tajaan, calon layak mendapat pembiayaan 2 kali yuran peperiksaan bagi setiap subjek yang ditawarkan di dalam program.

2.4.2 CPA Australia telah menetapkan tiga jenis kadar bayaran yuran bagi pendaftaran menduduki peperiksaan iaitu pada kadar pendaftaran awal (*early fees*), pendaftaran standard (*standard fees*) dan pendaftaran lewat (*late fees*). Tuntutan yang akan dibayar adalah pada kadar pendaftaran awal dan pendaftaran standard sahaja. Sekiranya calon

membuat pendaftaran lewat, kadar bayaran balik adalah pada kadar pendaftaran standard.

2.4.3 Setelah tamat tempoh tajaan (rujuk perkara 1.0), calon tidak layak menerima pembiayaan yuran peperiksaan. Yuran peperiksaan bagi baki semua subjek baharu atau ulang adalah atas tanggungan calon sendiri.

### **3.0 YURAN TUISYEN / PEMBELAJARAN**

- 3.1 IPNCPD akan membayar yuran Kursus Persediaan Peperiksaan terus kepada penyedia perkhidmatan tenaga pengajar.
- 3.2 Yuran Kursus Persediaan Peperiksaan terhad kepada dua kali sahaja bagi setiap subjek dengan syarat mendaftar subjek berkenaan.
- 3.3 Bengkel sokongan akan diberi percuma.

### **4.0 BUKU / BAHAN RUJUKAN PEMBELAJARAN**

- 4.1 CPA Australia telah menetapkan yuran pengajian terdiri daripada yuran peperiksaan dan bahan rujukan (*materials*) bagi setiap subjek. *Material* pembelajaran disediakan oleh CPA Australia sama ada secara My Online Learning atau *hard copy* yang akan dihantar dalam tempoh sepuluh hari selepas *enrolment*.
- 4.2 Pembelian bahan rujukan tambahan berhubung pembelajaran adalah inisiatif calon dan tiada tuntutan bayaran balik dibenarkan

### **5.0 IKATAN KONTRAK BERKHIDMAT DENGAN JANM**

- 5.1 Semua calon yang mengikuti program keahlian dalam badan profesional tajaan JANM adalah tertakluk kepada ikatan kontrak berkhidmat dengan JANM minimum selama 3 tahun dan maksimum berdasarkan tempoh tajaan program.
- 5.2 Khusus bagi calon yang mengikuti program ini, ikatan kontrak berkhidmat dengan JANM adalah selama 4 tahun.

Diperakukan oleh:



**SAAT BIN ESA C.A.(M)**

**AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

Tarikh: 16 Disember 2017

## **JENIS DAN SYARAT-SYARAT TAJAAN PROGRAM CPA AUSTRALIA MIA SPECIAL PATHWAY: SENIOR PROFESSIONAL**

*(Rujuk Minit Mesyuarat Khas Inisiatif Strategik Dan Program Profesional Institut Perakaunan Negara  
Bil 1/2017. Tarikh kuatkuasa 1 Januari 2018)*

### **1.0 TEMPOH TAJAAN PROGRAM**

- 1.1 Tempoh tajaan bagi program ini adalah selama 3 tahun berturut bermula dari tarikh surat tawaran diterima.
- 1.2 Calon dikehendaki untuk menamatkan program ini dengan jayanya dalam tempoh tajaan yang ditetapkan.
- 1.3 Selepas tempoh tajaan yang ditetapkan tamat, segala bentuk pembiayaan dengan sendirinya terbatal dan calon perlu menanggung sendiri segala kos untuk menyempurnakan program ini.

### **2.0 YURAN PROFESIONAL**

#### **2.1 Yuran Penilaian**

- 2.1.1 Yuran penilaian dibayar pada tahun semasa setelah menerima tawaran pengajian daripada Pusat Pembangunan Profesional, Institut Perakaunan Negara (IPNCPD), Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).
- 2.1.2 Tuntutan terhadap kepada sekali sahaja sepanjang tempoh tajaan.

#### **2.2 Yuran Keahlian Tahunan**

- 2.2.1 Calon layak mendapat pembiayaan 3 kali yuran keahlian tahunan dengan syarat telah mendaftar subjek baharu atau ulang pada tahun yang berkenaan.

#### **2.3 Yuran Pengecualian Subjek**

- 2.3.1 Calon layak mendapat sekali sahaja pembiayaan yuran pengecualian subjek sepanjang tempoh tajaan.

#### **2.4 Yuran Peperiksaan**

- 2.4.1 Sepanjang tempoh tajaan, calon layak mendapat pembiayaan 2 kali yuran peperiksaan bagi setiap subjek yang ditawarkan di dalam program.
- 2.4.2 CPA Australia telah menetapkan tiga jenis kadar bayaran yuran bagi pendaftaran menduduki peperiksaan iaitu pada kadar pendaftaran awal (*early fees*), pendaftaran standard (*standard fees*) dan pendaftaran lewat (*late fees*). Tuntutan yang akan dibayar adalah pada kadar pendaftaran awal dan pendaftaran standard sahaja. Sekiranya calon

membuat pendaftaran lewat, kadar bayaran balik adalah pada kadar pendaftaran standard.

2.4.3 Setelah tamat tempoh tajaan (rujuk perkara 1.0), calon tidak layak menerima pembiayaan yuran peperiksaan. Yuran peperiksaan bagi baki semua subjek baharu atau ulang adalah atas tanggungan calon sendiri.

### **3.0 YURAN TUISYEN / PEMBELAJARAN**

- 3.1 IPNCPD akan membayar yuran Kursus Persediaan Peperiksaan terus kepada penyedia perkhidmatan tenaga pengajar.
- 3.2 Yuran Kursus Persediaan Peperiksaan terhad kepada dua kali sahaja bagi setiap subjek dengan syarat mendaftar subjek berkenaan.
- 3.3 Bengkel sokongan akan diberi percuma.

### **4.0 BUKU / BAHAN RUJUKAN PEMBELAJARAN**

- 4.1 CPA Australia telah menetapkan yuran pengajian terdiri daripada yuran peperiksaan dan bahan rujukan (*materials*) bagi setiap subjek. *Material* pembelajaran disediakan oleh CPA Australia sama ada secara My Online Learning atau *hard copy* yang akan dihantar dalam tempoh sepuluh hari selepas *enrolment*.
- 4.2 Pembelian bahan rujukan tambahan berhubung pembelajaran adalah inisiatif calon dan tiada tuntutan bayaran balik dibenarkan

### **5.0 IKATAN KONTRAK BERKHIDMAT DENGAN JANM**

- 5.1 - Semua calon yang mengikuti program keahlian dalam badan profesional tajaan JANM adalah tertakluk kepada ikatan kontrak berkhidmat dengan JANM minimum selama 3 tahun dan maksimum berdasarkan tempoh tajaan program.
- 5.2 Khusus bagi calon yang mengikuti program ini, ikatan kontrak berkhidmat dengan JANM adalah selama 3 tahun.

Diperakukan oleh:



**SAAT BIN ESA C.A(M)**

**AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

Tarikh: 16 Disember 2017

**SYARAT-SYARAT TAJAAN BAGI CALON TUKAR PROGRAM KEAHLIAN  
DALAM BADAN PROFESIONAL**

(Rujuk Minit Mesyuarat Khas Inisiatif Strategik Dan Program Profesional Institut Perakaunan Negara  
Bil 1/2017. Tarikh kuatkuasa 1 Januari 2018)

1. Calon yang mendapat tajaan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) layak dipertimbangkan untuk menukar program keahlian dalam badan profesional sedia ada kepada program baharu dan menyambung tajaan dengan syarat:
  - i. telah menunjukkan kesungguhan untuk menyempurnakan mana-mana satu 1 subjek gagal program sedia ada dengan sekurang-kurangnya 3 kali cubaan tetapi masih tidak berjaya; dan
  - ii. telah memberikan komitmen penuh kehadiran tuisyen *Face To Face* atau akses ke sistem *Live Online Learning* secara aktif sekurang-kurangnya 80% bagi setiap subjek.
2. Calon yang diluluskan untuk menukar program layak menyambung pembiayaan pada komponen pembiayaan yang belum pernah diterima berdasarkan polisi tajaan yang berkuatkuasa. Selain daripada itu, mana-mana komponen pembiayaan yang diklasifikasikan sebagai *one-off* dan telah diterima oleh calon ketika mengikuti program terdahulu tidak akan ditanggung lagi.
3. Permohonan hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Akauntan Negara Malaysia melalui Pengarah Institut Perakaunan Negara. Calon juga perlu melengkapkan borang Permohonan Menukar Program Keahlian Dalam Badan Profesional. Borang tersebut boleh diperolehi daripada Pusat Pembangunan Profesional, Institut Perakaunan Negara (IPNCPD), Cyberjaya.
4. Kelulusan menukar program adalah tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Pelaksanaan Program Profesional JANM.

Diperakukan oleh:



SAAT BIN ESA C.A(M)

AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Tarikh: 26 Disember 2017